

**[THE CONCEPT OF AL-QARĀ'IN IN THE EVALUATION OF TAFARRUD:
AN ANALYSIS OF IMAM MUSLIM'S METHODOLOGY IN THE MUQADDIMAH
ṢAḤĪḤ MUSLIM]**

**KONSEP AL-QARĀ'IN DALAM PENILAIAN TAFARRUD: ANALISIS TERHADAP
METODOLOGI IMAM MUSLIM DALAM MUQADDIMAH ṢAḤĪḤ MUSLIM**

DZULFAIDHI HAKIMIE BIN DZULRAIDI

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia.

Email: dzuldzulraidi@gmail.com

Received: 28th July 2025

Accepted: 11th August May 2025

Published: 1st June 2025

ABSTRACT

The narration of hadith through tafarrud (solitary transmission) has long been a subject of interest among hadith scholars, especially in identifying hidden defects ('illah) within the chain of transmission. In his Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim, Imam Muslim outlines the concept of al-qarā'in (corroborative indicators) as a critical tool in evaluating the validity of a narrator's tafarrud. This study aims to analyse Imam Muslim's methodological framework in assessing tafarrud through the application of al-qarā'in. Employing a qualitative approach, this study applies document analysis to Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim, supported by authoritative classical commentaries on hadith. The findings reveal that Imam Muslim does not reject tafarrud outright; rather, he considers it acceptable or otherwise based on several qarā'in, including the narrator's strong memory, consistency with other trustworthy narrators, and the narrator's status as a close student of a well-known hadith authority. The absence of these indicators, particularly when a narrator reports uniquely from a prominent figure whose other students do not transmit the same narration, serves as grounds for rejection. Thus, al-qarā'in functions as an essential instrument in verifying the reliability of solitary transmissions. This study contributes to a clearer understanding of the role of al-qarā'in in hadith criticism and opens avenues for further research on its practical application by other early hadith critics (mutaqaddimūn).

Keywords: Al-Qarā'in, Tafarrud, Imam Muslim, Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim, Hadith Criticism

ABSTRAK

Periwayatan hadith secara *tafarrud* sering menjadi perhatian para sarjana hadith, khususnya dalam usaha mengenal pasti 'illah atau kecacatan tersembunyi dalam sanad. Dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*, Imam Muslim menggariskan konsep *al-qarā'in* sebagai indikator penting dalam menilai keabsahan *tafarrud* seseorang perawi. Kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan Imam Muslim terhadap penggunaan *al-qarā'in* dalam menilai periwayatan *tafarrud* berdasarkan metodologi yang diuraikan dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumentasi terhadap karya utama tersebut serta disokong oleh syarah-syarah hadith yang relevan. Hasil kajian mendapati bahawa Imam Muslim tidak menolak periwayatan *tafarrud* secara mutlak, sebaliknya mempertimbangkannya berdasarkan beberapa bentuk *qarā'in* seperti kekuatan hafalan, keselarasan riwayat dengan perawi tsiqah lain, dan status perawi sebagai murid utama kepada tokoh hadith terkenal. Kajian ini juga menegaskan bahawa penolakan atau penerimaan *tafarrud* sangat bergantung pada kewujudan atau ketiadaan *qarā'inah* yang menyokong. Dengan itu, konsep *qarā'in* dilihat berperanan sebagai instrumen penting dalam memastikan ketelitian dan keadilan dalam kritik sanad hadith. Kajian ini diharap dapat memperkukuh kefahaman terhadap peranan *qarā'in* dalam disiplin 'ilal al-ḥadīth serta membuka ruang kajian lanjutan terhadap aplikasi *qarā'in* oleh tokoh-tokoh lain dalam kalangan ulama *mutaqaddimīn*.

Kata kunci: *Al-Qarā'in*, *Tafarrud*, Imam Muslim, *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*, Kritik Sanad Hadith

Pengenalan

Latar Belakang Kajian

Kajian mengenai elemen *tafarrud* semakin mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji hadith. Hal ini demikian kerana *tafarrud* berkait secara langsung dengan perawi, sedangkan perawi itu sendiri merupakan komponen asas dalam periwayatan hadith¹. Beberapa kajian terdahulu turut membuktikan bahawa isu *tafarrud* mempunyai hubungan yang rapat dengan disiplin ilmu 'ilal al-hadith, bahkan berpotensi mengubah status kesahihan sesuatu hadith². Menurut Ādil al-Zuraqī (2004), antara punca utama berlakunya masalah 'illah yang sering dibahaskan oleh para sarjana hadith silam ialah wujudnya unsur *tafarrud* dalam periwayatan³. Secara ringkasnya, *tafarrud* merujuk kepada periwayatan hadith oleh seorang perawi secara bersendirian tanpa sokongan periwayatan daripada perawi-perawi lain⁴. Walau bagaimanapun, meskipun aspek *tafarrud* telah banyak dibincangkan, masih terdapat keperluan untuk meneliti secara lebih mendalam bagaimana konsep al-qarā'in diaplikasikan dalam menilai *tafarrud*, khususnya menurut perspektif tokoh-tokoh besar seperti Imam Muslim. Penelitian ini penting bagi memahami dengan lebih tepat kerangka pemikiran dan pendekatan para muhaddithin dalam menimbang periwayatan tunggal.

Namun begitu, apabila carian dilakukan pada pengkalan data *Google Scholar* daripada tahun 2015 sehingga 2023, kesemua kajian lepas dilihat menyentuh dari perspektif metodologi para ilmuwan dalam berinteraksi dengan *tafarrud*. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 1: Rumusan literatur mengenai tema *tafarrud*

No.	Tajuk	Penulis	Tahun	Objektif Kajian
1.	Periwayatan al- <i>Tafarrud</i> dan Implikasinya kepada Penilaian Sarjana Hadis dalam Disiplin al-Jarh wa al-Ta'dil ⁵	Mohd Aizul Yaakob	2023	Membincangkan mengenai kesan penilaian status perawi terhadap periwayatan secara <i>tafarrud</i> .
2.	Manhaj al-Daraqutni dalam Menilai Periwayatan al- <i>Tafarrud</i> daripada perawi thiqa	Mohd Aizul Yaakob dan	2021	Membincangkan mengenai metodologi al-Daraqutni dalam menerima riwayat

¹ Aizul Yaakob 2023. Periwayatan al-Tafarrud dan Implikasinya kepada Penilaian Sarjana Hadis dalam Disiplin al-Jarh wa al-Ta'dil. *Journal Hadis (INHAD)* 13(25).

² Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin 2019. Periwayatan Hadith Secara al-Tafarrud Menurut Sarjana Hadith: Antara Penerimaan dan Penolakan. *Journal Hadis (INHAD)* 9(18): 182.

³ Ādil al-Zuraqī. 'Ādil Abd Syakur. *Qawā'id Al-Ilal Wa Qarā'in Al-Tarjīh* Riyadh. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004. 39.

⁴ al-Malyabārī, H. A. *Muwāzanah Bayna al-Mutaqaddimīn wa al-Muta'akhkhirīn fi Taṣḥīḥ al-Ḥadīth wa Ta'līliha*. Beirut: Dār Ibn Hazm. 2001.

⁵ Aizul Yaakob 2023. Periwayatan al-Tafarrud dan Implikasinya kepada Penilaian Sarjana Hadis dalam Disiplin al-Jarh wa al-Ta'dil. *Journal Hadis (INHAD)* 13(25).

	dalam karya al-‘Ilal al-Warida fi al-Ahadith al-Nabawiyya ⁶	Roshimah Shamsudin		secara <i>tafarrud</i> oleh perawi tsiqah dalam kitabnya.
3.	Penerimaan Hadis <i>Tafarrud</i> menurut Ahmad bin Hanbal ⁷	Ahmad Zulkifli Yusof dan Umar Muhammad Noor	2020	Membincangkan metodologi Ahmad bin Hanbal dalam menerima hadith yang diriwayatkan secara <i>tafarrud</i> .
4.	Manhaj Sarjana Hadith dalam Menentukan ‘Illah dalam Periwiyatan al- <i>Tafarrud</i> : Kajian Perbandingan antara Sarjana Mutaqaddimin dan Mutaakhirin ⁸	Mohd Aizul Yaakob dan Roshimah Shamsudin	2019	Membincangkan mengenai perbandingan tokoh-tokoh silam dan klasik dalam penerimaan riwayat perawi secara <i>tafarrud</i> .
5.	Analisis Kewujudan al-Mutaba’at dalam Periwiyatan Hadith secara al- <i>Tafarrud</i> ⁹	Mohd Aizul Yaakob dan Roshimah Shamsudin	2019	Membincangkan mengenai terdapat riwayat yang didakwa secara <i>tafarrud</i> namun sebenarnya wujud sokongan.
6.	The Issue of <i>Tafarrud</i> and Nakarah between Traditionists and Historians (Analytical Study) ¹⁰	Abdul Samad Shaikh	2015	Membincangkan mengenai isu <i>tafarrud</i> dan masalah (<i>nakarah</i>) yang pernah dikeluarkan oleh para muhaddithin dan ahli sejarah serta perbandingan metodologinya.

Walau bagaimanapun, kajian ini mengetengahkan perbincangan *tafarrud* daripada perspektif yang berbeza, iaitu dengan meneliti konsep al-qarā’in dalam menilai keabsahan sesuatu *tafarrud* sebagaimana dibahas secara mendalam oleh Imam Muslim (w. 261H) dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*. Perbincangan terperinci mengenai penggunaan qarā’in dalam menilai *tafarrud* oleh Imam Muslim masih kurang diberikan perhatian secara khusus

⁶ Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin. 2021. Manhaj al-Daraqutni dalam Menilai Periwiyatan al-Tafarrud daripada perawi thiqa dalam karya al-‘Ilal al-Warida fi al-Ahadith al-Nabawiyya. *Al-Bayan: Journal of al-Quran and Hadith Studies* 19(1).

⁷ Ahmad Zulkifli Yusof, Umar Muhammad Noor. 2020. Penerimaan Hadis Tafarrud menurut Ahmad bin Hanbal. *Journal Hadis (INHAD)* 10(20).

⁸ Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin. 2019. Manhaj Sarjana Hadith dalam Menentukan ‘Illah dalam Periwiyatan al-Tafarrud: Kajian Perbandingan antara Sarjana Mutaqaddimin dan Mutaakhirin. *Journal of Hadith Studies* 4(1).

⁹ Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin. 2019. Analisis Kewujudan al-Mutaba’at dalam Periwiyatan Hadith secara al-Tafarrud. *Ma’alim al-Quran wa al-Sunnah* 15(2).

¹⁰ Abdul Samad Shaikh. 2015. The Issue of Tafarrud and Nakarah between Traditionists and Historians (Analytical Study). *The Scholar Islamic Academic Research Journal* 1(1).

dalam kajian terdahulu. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompongan tersebut serta membuka ruang perbincangan baharu dalam disiplin kritik hadith klasik.

PENGENALAN IMAM MUSLIM

Muslim bin al-Ḥajjāj, atau nama penuhnya Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, merupakan seorang tokoh hadith terkemuka daripada keturunan Bani Qushayr, sebuah kabilah Arab yang terkenal. Menurut al-Dhahabī dan Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, beliau dipercayai dilahirkan sekitar tahun 204 Hijrah, namun Maḥmūd Fākhūrī pula mencatatkan tahun alternatif iaitu 206 Hijrah, yang dianggap lebih hampir kepada kebenaran¹¹.

Penglibatan Muslim dalam bidang pengajian hadith bermula sejak usia remaja, dengan bimbingan awal daripada Yahyā bin Yahyā al-Tamīmī. Beliau kemudiannya memperluas pengembaraan ilmunya ke pelbagai pusat keilmuan utama seperti Iraq, Hijaz, Syam, dan Mesir untuk berguru dengan tokoh-tokoh hadith terkemuka dan mengumpulkan riwayat bagi penulisan karyanya¹².

Sepanjang hayatnya, Muslim meriwayatkan hadith daripada lebih 220 guru, dan sebahagian besar daripada mereka disenaraikan dalam karya agungnya, *Ṣaḥīḥ Muslim*. Antara guru-guru yang masyhur termasuk al-Qaʿnabī, Aḥmad bin Yūnus, Ismāʿīl bin Abī Uways, Dāwūd bin ʿAmr, al-Haitham bin Khārijah, dan Saʿīd bin Maṣṣūr¹³. Muslim juga mempunyai hubungan yang sangat erat dengan Imam al-Bukhārī, yang banyak mempengaruhi metodologinya dalam menulis hadith. Al-Khaṭīb al-Baghdādī menyatakan bahawa hubungan kedua-dua tokoh ini sangat akrab, khususnya ketika al-Bukhārī berada di Naysabur pada penghujung hayatnya. Bahkan, menurut al-Dāraquṭnī, reputasi Muslim yang tersohor hari ini tidak mungkin tercapai tanpa pengaruh besar gurunya itu¹⁴.

Selain menghasilkan *Ṣaḥīḥ Muslim* yang menjadi karya magnum opusnyanya, beliau juga menjadi guru kepada ramai tokoh besar hadith seperti al-Tirmidhī, Abū al-Faḍl Aḥmad bin Salamah, Ibrāhīm bin Abī Ṭālib, Abū ʿAmr al-Khaṭīb, Ibn Khuzaymah, dan Abū Muḥammad bin Abī Ḥatīm al-Rāzī.⁶ Di samping itu, beliau turut menghasilkan beberapa karya penting lain yang masih dirujuk hingga kini, antaranya *al-Musnad al-Kabīr*, *al-Jāmiʿ al-Kabīr*, *al-ʿIlal*, *Awhām al-Muḥaddithīn*, dan *al-Tamyīz*, seperti yang disebut oleh al-Nawawī dan disokong oleh al-ʿUqaylī¹⁵.

¹¹ Muḥammad ibn Aḥmad al-Dhahabī, *Siyar Aʿlam al-Nubalāʾ* (Beirut: Muʿassasah al-Risālah, 1985); Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, ed. Ibrāhīm al-Zabīq dan ʿĀdil Mushid, vol. 4 (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2014); Maḥmūd Fākhūrī, *Al-Muslim bin al-Ḥajjāj bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī Ḥayātuhu wa Ṣaḥīḥuhu* (Cairo: Dār al-Salām, 2016); Fākhūrī, Muḥammad. *Al-Muslim bin al-Ḥajjāj bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī: Ḥayātuhu wa Ṣaḥīḥuhu*. Cairo: Dār al-Salām li al-Ṭabāʾah wa al-Nashr wa al-Tawzīʿ wa al-Tarjamah, 2016.

¹² Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 4:97; Ibn Khallikān, *Wafayāt al-Aʿyān* (Beirut: Dār Ṣādir, 1997), 4:236.

¹³ al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād*, ed. Baṣīr ʿAwnī Yūsuf (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2001), 3:112.; al-Dāraquṭnī, *Al-Suʾālāt li al-Dāraquṭnī li Abī Ḥāshim*, ed. Muḥammad al-ʿAjlān (Beirut: Dār al-Maʿrifah, 2000), 24; Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī. *Nuzhat al-Nazar fī Tawḍīḥ Nukhbat al-Fikar*. Damascus: Maṭbaʿah al-Sabbāḥ, 2000.

¹⁴ Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 4:97; Ibn Khallikān, *Wafayāt al-Aʿyān* (Beirut: Dār Ṣādir, 1997), 4:236.

¹⁵ al-Nawawī, *Muqaddimah Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Maʿrifah, 1996), 12; al-ʿUqaylī, *Ḍuʿafāʾ al-ʿUqaylī* (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1992), 1:33.

LATAR BELAKANG KARYA MUQADDIMAH ṢAḤĪḤ MUSLIM

Penulisan karya Ṣaḥīḥ Muslim berpunca daripada permintaan murid Muslim bin al-Hajjāj sendiri iaitu Ahmad bin Salamah . Hal ini telah dijelaskan sendiri oleh Muslim dalam Muqaddimah beliau. Ahmad bin Salamah telah menjelaskan kepada Muslim bin al-Hajjāj bahawa beliau ingin mendalami bidang hadith justeru meminta Muslim mengarang sebuah kitab hadith dengan beberapa ciri khusus . Rujuk jadual di bawah:

Jadual 2: Ciri-ciri Ṣaḥīḥ Muslim

No.	Permintaan	Penjelasan
1.	Kitab mengenai sunnah agama, hukum-hakam berkaitan pahala dan dosa, anjuran dan ancaman.	Murid beliau meminta beliau mengarang kitab hadith yang mengandungi keseluruhan atau kebanyakan bab-bab dalam syariat
2.	Kitab yang mengandungi sanad mutanāqilah dan mutadāwilah	Murid beliau meminta beliau memasukkan sanad-sanad penuh ke dalam kitabnya daripada para sahabat, tābi'īn dan selepasnya.
3.	Kesemua hadith dan sanad dihipunkan dalam satu kitab	Ahmad bin Salamah meminta Muslim bin al-Hajjāj agar menghimpunkan kesemua perbincangan dalam sanad kitab.
4.	Tidak ada pengulangan yang banyak dalam kitab	Ahmad bin Salamah meminta Muslim bin al-Hajjāj agar mengurangkan pengulangan agar hadith itu lebih mudah difahami.

Seterusnya, Muslim bin al-Hajjāj memperkenalkan permintaan murid beliau dan mengarang sebuah karya al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Sunan Rasūlullah yang lebih masyhur dikenali sebagai Ṣaḥīḥ Muslim. Khusus dalam muqaddimah bagi kitab ini, Muslim bin al-Hajjāj menjelaskan mengenai metodologi beliau dalam berinteraksi dengan hadith. Hal ini kerana menurut beliau, terdapat golongan pseudo muhaddithīn yang menyebarkan hadith-

hadith bermasalah kepada orang awam dan perkara itu merosakkan. Perbincangan-perbincangan dalam muqaddimah beliau lengkap sehingga layak dikategorikan sebagai sebuah karya usul hadith. Terdapat beberapa tokoh yang menghuraikan muqaddimah beliau secara berasingan berbanding kitab Ṣaḥīḥ Muslim seperti Muḥammad Ibn al-Shaykh al-‘Allāmah ‘Alī bin Adam bin Musa al-It̤yūbī dan Abdul Karīm al-Khudayr .

Berikut adalah senarai topik-topik perbincangan dalam Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim¹⁶:

Jadual 3: Senarai topik perbincangan dalam Ṣaḥīḥ Muslim.

No.	Topik Perbincangan
1.	Pendahuluan dan Kata-kata Aluan daripada Muslim bin al-Hajjāj
2.	Sebab Penulisan Ṣaḥīḥ Muslim
3.	Metodologi Penulisan Ṣaḥīḥ Muslim
4.	Realiti Periwatan Hadith Era Muslim bin al-Hajjāj
5.	Kewajiban Mengambil Riwayat daripada Para Perawi Tsiqah dan Meninggalkan Penipu
6.	Larangan Berdusta ke atas Nabi SAW
7.	Larangan Menceritakan Semua yang Didengari tanpa Tapisan
8.	Perawi Da‘īf dan Penipu yang Perlu Dijauhi Riwayat Mereka
9.	Sanad Merupakan Sebahagian daripada Agama
10.	Menceritakan Kelemahan Perawi dan Pandangan Ulama Hadith Mengenainya

¹⁶ Muslim Bin al Hajjāj. (1955). Ṣaḥīḥ Muslim. Kaherah: Matba’ah Īsa al Bābī.

11.	Adakah Disyaratkan Bertemu bagi Pensabitan Samā' Seseorang Perawi
12.	Sah Menggunakan Hadīth Mu'an'an sebagai Hujah.

Secara keseluruhannya, *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* bukan sahaja merupakan sumbangan besar Muslim bin al-Hajjāj dalam bidang hadith, tetapi juga menunjukkan metodologi kritikal dan sistematik yang beliau gunakan dalam menilai perawi. Karya ini memberikan panduan yang berharga bagi para pengkaji hadith dalam memahami bagaimana penilaian perawi dilakukan dan kepentingan pendekatan yang berintegriti dan teliti dalam kajian hadith. Melalui karya ini, Muslim telah meninggalkan warisan ilmiah yang terus dihargai dan dijadikan rujukan oleh para ulama dan pelajar hadith hingga ke hari ini.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana pendekatan ini paling sesuai untuk memahami sesuatu isu secara mendalam, khususnya dalam mengkaji konsep al-qarā'in dalam penilaian *tafarrud* seorang perawi hadith¹⁷.

Bagi pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan dengan meneliti dan menghimpunkan sumber-sumber primer seperti *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim* serta syarahannya, di samping sumber-sumber sekunder seperti artikel jurnal, tesis, disertasi, buku bercetak mahupun digital, dan pangkalan data atas talian seperti aplikasi al-Maktabah al-Shāmilah. Sumber-sumber ini digunakan untuk mengenal pasti bagaimana konsep al-qarā'in diterapkan oleh Imam Muslim dalam menilai keabsahan periwayatan *tafarrud*, serta untuk melihat penerimaan dan analisis ulama hadith lain terhadap pendekatan beliau.

Bagi menganalisis data yang diperoleh, kajian ini menggunakan metode analisis kandungan. Metode ini bertujuan meneliti definisi al-qarā'in menurut para ilmuwan klasik dan kontemporari, menghuraikan konsep *tafarrud* secara tuntas, serta mengenal pasti kesinambungan hubungan antara konsep qarā'in dan *tafarrud* berdasarkan penekanan yang dibawa oleh Imam Muslim dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*. Analisis ini turut disokong dengan penjelasan daripada kitab-kitab syarah hadith yang muktabar.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

KONSEP TAFARRUD

Perkataan *tafarrud* berasal daripada kalimah bahasa Arab. Ia merupakan kata terbitan daripada kalimah تَفَرَّدَ - يَتَفَرَّدُ - تَفَرُّدٌ¹⁸. Kalimah ini berasal daripada kata akar فَرَدَ yang bermaksud ganjil. Ibn Fāris (m. 395h) berpandangan kalimah farada membawa maksud tunggal atau

¹⁷ Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, and R Zirwatul Aida R Ibrahim. *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018, 76.

¹⁸ Ahmad al-'Ayid et.al. *Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, T.T: Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum, (t.t), 924.

seorang diri¹⁹. Hal ini dipersetujui oleh al-Raghib namun beliau memilih maksud yang lebih khusus iaitu bersendirian dan tidak bercampur selainnya²⁰. Justeru kesimpulan yang dapat dikeluarkan daripada keseluruhan pandangan di atas bahawa *tafarrud* membawa pengertian sendirian.

Kemudian daripada sudut istilah, definisi *tafarrud* tidak jauh beza berbanding pengertian secara bahasa. Perbincangan mengenai definisi secara istilah dapat ditemui dari beberapa sarjana, termasuk al-Malyābārī (2001) yang menyatakan bahawa *tafarrud* merujuk kepada perawi yang meriwayatkan hadith tanpa diiringi oleh perawi-perawi lain²¹. Abdul Jawwad Hammām (2008) dilihat memberikan definisi yang terbaik dengan mengatakan al-*tafarrud* membawa maksud sesuatu hadith yang datang melalui jalan seorang perawi tanpa diiringi oleh perawi-perawi yang lain dan berlaku dalam beberapa kemungkinan iaitu sama ada pada asal hadith (mutlaq) atau sebahagian daripadanya (*nisbī*), berlaku pertembungan (*al-mukhālafah*) ataupun tidak, berlaku tambahan (*al-ziyādah*) ataupun tidak, berlaku pada sanad ataupun matan dan melalui perawi yang *thiqah* ataupun tidak²². Dengan demikian definisi-definisi ini pada dasarnya menyampaikan erti yang hampir sama mengenai periwayatan *tafarrud* iaitu periwayatan secara bersendirian oleh seorang perawi tanpa adanya perawi lain yang meriwayatkan hadith tersebut.

Terma *tafarrud* telah digunakan secara meluas oleh para ilmuwan hadith *mutaqaddimīn* apabila menilai periwayatan seseorang perawi²³. Seperti contoh perkataan al-Dāraqutnī ketika mengomentari hadith Artah bin al-Munzir:

تَفَرَّدَ بِهِ أَرطَاهُ بْنُ الْمُنْزِرِ

Terjemahan: Artah bin al-Munzir **bertafarrud** pada hadith ini.

Menurut Hamām (2008), ahli hadis *muta'akhkhirīn* nampaknya kurang memberi perhatian kepada aspek *tafarrud* dalam kritikan hadis, sementara ahli hadis *mutaqaddimīn* lebih berfokus pada aspek ini. Ibn Rajab al-Ḥanbalī (2014) menyatakan bahawa huffaz *mutaqaddimīn* cenderung menyatakan bahawa hadis yang mengalami *tafarrud* dan tidak bertentangan dengan riwayat perawi *thiqah* lainnya dianggap tidak sah. Ibrāhīm al-Lāḥim (t.th.) juga menyebut bahawa *mutaqaddimīn* tidak hanya memerhatikan zahir sanad dan matan, tetapi juga petunjuk luaran dan tersembunyi untuk menentukan kesahihan suatu hadis. Oleh itu, kajian yang mengkaji metodologi ulama *mutaqaddimīn* dalam menilai dan menerima hadis *tafarrud* diperlukan.

Menurut Aizul Yaakob dan Roshimah Shamsudin (2019), terdapat 10 istilah-istilah dalam lapangan hadith yang kebiasaannya digunakan oleh para muhadithīn bagi menunjukkan

¹⁹ Abu al-Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariyya. *Maqayis al-Lughah* tahqiq 'Abd al-Salam Muhammad Harun, T.T: Dar al-Fikr, j. 4, h. 500.

²⁰ Abu al-Qasim al-Husayn bin Muhammad, al-Raghib al-Asfahani (t.t.), *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran* tahqiq Muhammad Sayyid Kaylani, T.T.P.: T.T, Kitab al-Fa', h. 375.

²¹ al-Malyābārī, H. A. *Muwāzanah Bayna al-Mutaqaddimīn wa al-Muta'akhkhirīn fi Taṣḥīḥ al-Ḥadīth wa Ta'līliha*. Beirut: Dār Ibn Hazm.2001.

²² 'Abd al-Jawad Hamam, *Al-Tafarrud fi Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fi Qabulihi aw Raddihi (Dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyyah)*, 2008, 45-59.

²³ Dzul Dzulraidi. *Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi* Terengganu: Paddi Resources, 2023, 53.

terdapat riwayat secara *tafarrud* oleh perawi²⁴. Ringkasan istilah-istilah tersebut adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 2: Ringkasan istilah seerti dengan *tafarrud*

No.	Istilah yang membawa maksud seerti dengan <i>tafarrud</i>
1.	<i>Tafarrada bihi fulān</i> (fulan bersendirian pada riwayatnya)
2.	<i>Gharīb</i> (riwayat secara janggal atau tunggal)
3.	<i>Lā Yutāba</i> 'alayh (tiada sokongan bagi hadithnya)
4.	<i>Syādh</i> (janggal)
5.	<i>Ghayr Mahfūz</i> (riwayat yang tidak disokong oleh perawi tsiqah)
6.	<i>Munkar</i> (riwayat yang bermasalah)
7.	<i>Khata</i> ' (riwayat yang salah)
8.	<i>Fā'idah</i> (kebiasaannya digunakan seerti dengan istilah <i>gharīb</i>)
9.	<i>Hasan</i> (terkadang digunakan seerti dengan istilah <i>gharīb</i>)
10.	<i>Lā yarwīhi 'an fulān illā fulān</i> (tiada yang meriwayatkan kecuali fulan)

KONSEP QARĀ'IN DALAM TAFARRUD

DEFINISI QARĀ'IN

Qarā'in terdiri daripada perkataan dalam Bahasa Arab. Ia merupakan bentuk jamak, sementara bentuk tunggalnya adalah *qarīnah*²⁵. Perkataan ini berasal dari kata kerja *qarana* yang

²⁴ Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin 2019. Periwatyan Hadith Secara al-Tafarrud Menurut Sarjana Hadith: Antara Penerimaan dan Penolakan. *Journal Hadis (INHAD)* 9(18): 185.

²⁵ "Qarā'in." *Al-Ma'āny*, 2010, diakses pada 22 November 2023, <https://www.almaany.com/ar/dict/arar/%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D9%86/>

bermaksud menggabungkan atau menyatukan sesuatu dengan sesuatu yang lain dengan kuat atau keras²⁶. Selain itu, *qarana* juga bermaksud kebersamaan antara dua perkara²⁷.

Daripada segi istilah, Sāmīr al-Kabīsī (2021) berpendapat bahawa tiada definisi yang jelas diberikan oleh ahli hadith terdahulu. Mereka cenderung menggunakan istilah ini seperti deria keenam yang ada pada seseorang²⁸. Mustafa al-Zarqā' mendefinisikan *qarīnah* sebagai petunjuk yang mengarahkan kepada objektif atau hasil yang diinginkan²⁹. Ahmad Ma'bad pula menggambarkan sebagai sesuatu yang menunjukkan objektif secara tidak langsung³⁰. Tambahan lagi, Ayyub al-Husainī (m. 1094H) mendefinisikan *qarīnah* sebagai sesuatu yang menjelaskan objektif tanpa sengaja³¹. Berdasarkan pandangan-pandangan ini, dapat disimpulkan bahawa *qarīnah* dalam konteks istilah merujuk kepada petunjuk yang ditemui secara tidak langsung dan membantu menjelaskan objektif kajian. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 1: Definisi-definisi *Qarā'in*

Bil.	Tokoh	Definisi
1.	Mustafa al-Zarqā'	Sesuatu petunjuk yang menjelaskan sesuatu yang tersembunyi sehingga menunjukkan objektif.
2.	Ahmad Ma'bad	Sesuatu yang menunjukkan kepada objektif secara tidak langsung
3.	Ayyub al-Husainī	Sesuatu yang menjelaskan objektif tanpa disengajakan
Kesimpulan	Sesuatu petunjuk yang dijumpai secara tidak langsung dan menjelaskan objektif kajian	

²⁶ Ibn Fāris, Ahmad bin Fāris. *Mu'jam Māqayis Al-Lughah*. tahkik Abdul Salam Harun. Vol. 5, Kaherah: Dār al-Fikr, 1979.

²⁷ Ismail bin Ahmad. *Al-Sihāh Tāj Al-Lughah Wa Sihāh Al-'Arabiyah*. diedit oleh Ahmad Abd al-Ghafur. Beirut: Dār al-'Ilm, 1987.

²⁸ Sāmīr al-Kabīsī. "Athar Al-Qarāin Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā' Al-Mubāsyr Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-'Irāqiyah* 3, no. 1 (2021), 106.

²⁹ Hanān Qamāri. "Ta'arud Qarāin Al-Tarjih Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University, 2016.(42).

³⁰ Masyaqbah, Abdul Rahman Muhammad. "Athar Al-Qarāin Fi Ikhtilāf Al-Nuqqād Fi Tarjīh Bayna Al-Riwāyāt Wa l'Ilāhā." *Majallah Nisf Sanawiyah Muhkamah* 18, no. 2 (2021), 253.

³¹ Ayyub al-Husainī. *Al-Kulliyāt Mu'jam Fi Al-Mustalahāt Wa Al-Furūq Al-Lughawiyah*. tahkik 'Adnān Darwisy. Beirut: Muasasah al-Risālah, 2009.

Penggunaan *qarīnah* mempunyai asas rujukannya daripada syariat. Hal ini boleh dilihat dalam Al-Quran surah Yūsuf:

وَجَاءُوا عَلَى قَمِيصِهِ بِدَمٍ كَذِبٍ ۚ قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنْفُسُكُمْ أَمْرًا فَصَبْرٌ جَمِيلٌ ۖ وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَى مَا تَصِفُونَ



Terjemahan: Dan (bagi mengesahkan dakwaan itu) mereka pula melumurkan baju Yūsuf dengan darah palsu. Bapa mereka berkata: “Tidak! Bahkan nafsu kamu memperelokkan kepada kamu suatu perkara (yang tidak diterima akal). Kalau demikian, bersabarlah aku dengan sebaik-baiknya, dan Allah jualah yang dipohonkan pertolonganNya, mengenai apa yang kamu katakan itu³².

Al-Qurtubī (m. 671H) menceritakan bahawa apabila adik-beradik Nabi Yūsuf AS ingin menggunakan darah sebagai *qarīnah* untuk menyokong dakwaan mereka, Allah SWT menzahirkan *qarīnah* balas bahawa tiada kesan gigitan serigala pada baju Nabi Yūsuf AS. Ketika Nabi Ya‘qūb AS melihat situasi ini, Baginda tidak mempercayai dakwaan adik-beradik Nabi Yūsuf AS³³. Ini menunjukkan bahawa penggunaan *qarīnah* telah disyariatkan dalam Islam sejak zaman dahulu.

Abdullah Muhammad Hasan (2013) menyatakan bahawa para ilmuwan Islam bersetuju mengenai peranan *qarīnah* dalam ilmu fiqh, bahasa, usul fiqh, ilmu kalam, dan hadith secara umum, walaupun terdapat perbezaan dalam aplikasi dan pembahagiannya³⁴. Namun, kajian ini hanya akan memfokuskan kepada ilmu hadith semata-mata. Abd Qādir Muhammad (2018) merumuskan definisi *qarīnah* dalam ilmu hadith sebagai tanda yang menunjukkan kewujudan atau ketiadaan ‘illah pada sesebuah hadith yang berkaitan dengan perawi dan riwayat³⁵.

Menurut Hātim al-Awnī (2018), terdapat perbezaan yang jelas antara *qarīnah* dan *dalīl*. Dalīl adalah bukti konkrit yang mencukupi untuk mensabitkan sesuatu dengan hanya satu *dalīl*, manakala *qarīnah* memerlukan lebih daripada satu petunjuk untuk mensabitkan sesuatu perkara³⁶. Hal ini boleh diibaratkan seperti kes pembunuhan. Dalīl diumpamakan sebagai pengakuan suspek, manakala *qarīnah* seperti motif pembunuhan. Pengakuan suspek sudah mencukupi untuk mensabitkan kesalahan membunuh, sedangkan motif pembunuhan sahaja tidak mencukupi tanpa disokong oleh *qarīnah* lain. Rujuk jadual di bawah:

³² Surah Yūsuf, 18.

³³ Al-Qurtubī. *Al-Jāmi‘ Li Ahkām Al-Qur‘ān*. tahkik Abdullah bin Abd Muhsin. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006.

³⁴ Abdullah Muhammad Hasan. *Al-Qarāin Wa Atharuhā Fi ‘Ilmi Al-Hadīth*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah, 2012.

³⁵ Sāmīr al-Kabīsī. "Athar Al-Qarāin Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā‘ Al-Mubāsyr Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-‘Irāqiyah* 3, no. 1 (2021).106.

³⁶ Hātim al-Awnī, Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Ḥadīth. Beirut: Markaz Namā‘ li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018 212.

Jadual 2: Perbezaan *Qarānah* dan *Dalīl*

Perbezaan <i>Qarānah</i> dan <i>Dalīl</i>	
<i>Qarānah</i>	<i>Dalīl</i>
Definisi: Tanda yang menunjukkan wujud atau tidak ' <i>illah</i> ' pada sesebuah hadith berhubungkait perawi dan riwayat	Definisi: Bukti yang menunjukkan wujud atau tidak ' <i>illah</i> ' pada sesebuah hadith berhubungkait perawi dan riwayat
Contoh: Periwiyatan secara bersendirian merupakan petunjuk kewujudan ' <i>illah</i> ' sesebuah hadith	Contoh: Pengakuan perawi bahawa dia tersilap merupakan bukti ' <i>illah</i> ' sesebuah hadith

Naurah Didān berpandangan *qarānah* dalam hadith terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu *qarā'in al- tarjīh* dan *qarā'in al-ta' līl*. *Qarā'in al-tarjīh* merupakan petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk menentukan salah satu riwayat yang bercanggahan dengan riwayat yang lain. Di samping itu, *qarā'in al-ta' līl* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk memilih salah satu riwayat bermasalah daripada keduanya³⁷. Meskipun begitu, Hanān Qamari (2016) menambah dua pecahan lain iaitu *qarā'in al-jam'* yang digunakan untuk menggabungkan kedua-dua riwayat dan *qarā'in daf' al-'illah* memberi pengertian petunjuk untuk mengangkat '*illah*' yang terdapat pada kedua-dua riwayat³⁸. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 3: Pembahagian *Qarā'in*

Bil.	Pembahagian	Definisi
1.	<i>Qarā'in al-Tarjīh</i>	Petunjuk yang digunakan untuk memilih salah satu riwayat yang bercanggahan
2.	<i>Qarā'in al-Ta' līl</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menentukan salah satu riwayat yang bermasalah
3.	<i>Qarā'in al-Jam'</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menerima kedua-dua riwayat

³⁷ Naurah Didān. "Qarā'in Al-Tarjīh Allatī Wāzana Bihā Al-Hāfidh Al-Mizzzi 'Inda Al-Ikhtilāf Bi Ziyādah Rāwi Au Isqātihi Min Al-Isnād Min Khilālī Kitābihi Tahzīb Al-Kamāl: Dirāsag Nazariyyah." Tesis PhD, Universiti Qāsim (832).

³⁸ Hanān Qamāri. "Ta'ārud Qarā'in Al-Tarjih Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University , 2016.(45).

4.	<i>Qarā'in Daf' al-Illah</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menghilangkan 'illah yang terdapat pada riwayat
----	------------------------------	---

'Ādil al-Zuraqī berpandangan *qarā'in* daripada sudut kuantiti terlalu banyak dan tidak dapat ditentukan limitasinya. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dibahagikan kepada dua kelompok iaitu *qarā'in* yang selalu digunakan oleh ilmuwan hadith dan dinamakan *qarā'in 'ammah*, manakala *qarā'in* yang kurang digunakan disebut sebagai *qarā'in khāṣṣah*³⁹.

PERANAN *QARĀ'IN*

Qarā'in daripada sudut peranan atau penggunaannya terbahagi kepada dua bahagian. Pertama *qarā'in isnādiyyah* iaitu petunjuk-petunjuk yang digunakan pada perbincangan sanad sama ada berkenaan sifat riwayat atau perbincangan keterputusan dan kebersambungan sanad. Bahagian kedua pula dinamakan *qarā'in matniyyah* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan pada perbincangan matan atau teks hadith⁴⁰.

Antara perbincangan *qarā'in* dalam skop sanad adalah menyentuh berkaitan ilmu *al-jarh wa al-ta'dīl*. Al-Haitham Muhammad (2021) mendefinisikannya sebagai petunjuk-petunjuk berhubung perawi, tokoh *al-jarh wa al-ta'dīl* atau konteks ulasan terhadap perawi yang boleh digunakan untuk menguatkan salah satu pandangan sama ada kritikan atau pujian⁴¹.

Selain itu, *qarā'in* juga digunakan bagi menyelesaikan isu *tadlīs* bagi perawi. *Tadlīs* bermaksud helah yang digunakan oleh perawi. *Tadlīs* tidak sama seperti penipuan bahkan perawi tidak dihukum penipu sekiranya melakukan *tadlīs*⁴². Justeru itu, *qarā'in al-tarjīh* diaplikasi untuk menyelesaikan masalah sama ada *tadlīs* yang dilakukan oleh perawi tersebut menyebabkan hadithnya tertolak dan tidak diterima⁴³.

Begitu juga *qarā'in* digunakan dalam isu pensabitan *samā'*. Menurut Majdī 'Atiyyah (2004) isu ini berlaku apabila perawi diperselisihkan status *samā'* berbanding perawi lain. Hal ini demikian apabila sebahagian tokoh hadith silam menetapkan berlaku *samā'* antara kedua-dua perawi walhal sebahagian tokoh yang lain menafikannya. Justeru pemilihan pandangan dijalankan melalui pendekatan *qarā'in al-tarjīh*⁴⁴.

Contoh yang dapat dikeluarkan adalah situasi *samā'* perawi bernama Abān bin Uthmān bin 'Affān daripada ayahnya. Ahmad bin Hanbal menyatakan Abān tidak ada mengambil riwayat manakala Muslim bin Hajjāj meriwayatkan dalam sahih beliau hadith Abān daripada ayahnya⁴⁵. Situasi lain, *samā'* Ibrāhīm bin Abd Rahman bin 'Auf daripada Umar. Al-Bayhaqī

³⁹ 'Ādil al-Zuraqī. 'Ādil Abd Syakur. *Qawā'id Al-Ilal Wa Qarā'in Al-Tarjīh Riyadh*. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004.

⁴⁰ Hanān Qamāri. "Ta'arud Qarā'in Al-Tarjih Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hama Lakhdar University, 2016.(45).

⁴¹ Al-Haitham Muhammad. "Qarā'in Al-Tarjīh Bayna Aqwāl Al-Jarh Wa Al-Ta'dīl Al-Muta'aridah 'Inda Ibn Addī Fi Kitābihi Al-Kāmil." Disertasi Master, Universiti Tayyibah, 2021.(6).

⁴² Dzul Dzulraidi. *Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi* Terengganu: Paddi Resources, 2023, 64.

⁴³ Hātim al-Awnī, Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth. Beirut: Markaz Namā' li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018 210.

⁴⁴ Majdī 'Atiyyah. *Al-Ilmā' Fi Itbāth Al-Samā'*. Mesir: Maktabah Ibn 'Abbās, 2005. 4.

⁴⁵ *Ibid*, 6.

menyatakan *samā'* tersebut tidak berlaku sedangkan Ya'qūb bin Shaybah menetapkan sebaliknya⁴⁶.

Begitu juga berfokuskan kepada kajian, *qarā'in* juga dilihat berperanan dalam menentukan keabsahan *tafarrud* seseorang perawi. Hal ini dapat dilihat daripada perbahasan Imam Muslim dalam Muqaddimah beliau. Namun persoalannya apakah bentuk *qarā'in* yang beliau gunakan dalam menentukan keabsahan *tafarrud* seseorang perawi?

KONSEP *QARĀ'IN AL-TARJĪH* TERHADAP *TAFARRUD* MENURUT IMAM MUSLIM

Imam Muslim membincangkan mengenai isu *tafarrud* pada satu tempat dalam Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim iaitu ketika membahaskan mengenai tingkatan para perawi. Imam Muslim membahagikan para perawi kepada tiga kategori iaitu (1) perawi adil dan sempurna dhābit (hafalan), (2) perawi adil tetapi kurang dhābit dan (3) perawi tidak adil dan tidak dhābit. Terdapat satu rumusan pembahagian perawi yang telah dilakukan oleh Ibrahim Adham Mohd Rokhibi (2022) dan ia selari dengan penelitian kajian⁴⁷. Rumusan adalah seperti berikut:

⁴⁶ *Ibid*, 7.

⁴⁷ Ibrahim Adham Mohd Rokhibi and Khadher Ahmad. "Analisis Metode Penerangan Hadith Ber'illah dalam Ṣaḥīḥ Muslim Menurut Ḥamzah al-Malyabārī." *Online Journal Research in Islamic Studies* 9, no. 1 (2022).

Rajah 6: Pembahagian Perawi Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim

TABAQAH PERTAMA			
(Adil + Dabit Sempurna)			
Bil	Nama Perawi	Martabat <i>Jarḥ Ta'dīl</i>	Hadith
1	'Abd Allāh bin 'Awn	Thiqah Thabat Fādīl	Hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang 'adil dan dabit secara sempurna. [Usul]
2	Ayyūb al-Sakhtiyānī	Thiqah Thabat hujjah	
3	Manṣūr bin al-Mu'tamir	Thiqah Thabat	
4	'Awf bin Abī Jamīlah	Thiqah Rumiya bi al-Qadr wa bi al-Tasyayyu'	
5	Ash'at al-Humrānī	Thiqah Faqih	
6	Al-A'mash	Thiqah Hafidh	
7	Ismā'il bin Abī Khālīd	Thiqah Thabat	
TABAQAH KEDUA			
(Adil + Kurang Dabit)			
1	'Atā' bin al-Sā'ib	Ṣadūq Ikhtalaṭ	Hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang mastur atau saduq. [Shawāhid ataupun Tawābi']
2	Yazīd bin Abī Ziyād	Ṣadūq	
3	Al-Layth bin Abī Sulaym	Ṣadūq Ikhtalaṭ Jiddan	
TABAQAH KETIGA			
(Cacat ke'adilan dan kedabitannya)			
1	'Abd Allāh bin Miswar Abī Ja'far al-Madā'inī	Waḍa'a Aḥādīth 'an Rasūlillah SAW	Hadith yang diriwayatkan oleh perawi: 1. <i>Muttaḥam bi al-Kadhib</i> [Matrūk] 2. <i>Kaddhāb @ Dajjāl</i> [Mawḍū'] 3. <i>Munkar @ Kathrah al-Ghalaṭ</i> [Munkar] *[Tidak diriwayatkan hadith daripada tabaqah ini]
2	'Amru bin Khālīd	Matrūk dan dituduh sebagai <i>Kadhdhāb</i> oleh Wakī'	
3	'Abd al-Quddūs al-Shāmī	Aḥādīthuhu Munkarah al-Isnād wa al-Matn	
4	Muḥammad bin Sa'īd al-Maṣlūb	Matrūk	
5	Ghiyāth bin Ibrāhīm	Taraka al-Nās Ḥadīthahu	
6	Sulaymān bin 'Amru Abī Dāwud al-Nakha'ī	Ma'rūf bi Waḍ'i al-Ḥadīth	
7	'Abd Allāh bin Muḥarrar	Matrūk	
8	Yahyā bin Unaysah	Da'if	
9	Al-Jarrāḥ bin al-Minhāl Abū al-'Atūf	Da'if	
10	'Abbād bin Kathīr	Matrūk	
11	Ḥusayn bin 'Abd Allāh bin Dumayrah	Matrūk al-Ḥadīth Kazzāb	
12	'Umar bin Suhbān	Da'if	

Ketika membahaskan mengenai isu perawi tingkatan ketiga, beliau membincangkan mengenai tanda perawi bermasalah adalah apabila riwayatnya banyak bercanggah dengan riwayat para perawi tsiqah yang lain. Seterusnya beliau menyambung dengan menjelaskan metodologi para ulama hadith dalam menerima riwayat *tafarrud* seseorang perawi. Imam Muslim menyatakan:

وَالَّذِي نَعْرِفُ مِنْ مَذْهَبِهِمْ فِي قَبُولِ مَا يَتَفَرَّدُ بِهِ الْمُخَدِّثُ مِنَ الْحَدِيثِ، أَنْ يَكُونَ قَدْ شَارَكَ الثَّقَاتِ مِنْ أَهْلِ الْعِلْمِ وَالْحِفْظِ فِي بَعْضِ مَا رَوَوْا. وَأَمَّا فِي ذَلِكَ عَلَى الْمُؤَافَقَةِ لَهُمْ. إِذَا وَجَدَ كَذَلِكَ، ثُمَّ ذَادَ بَعْدَ ذَلِكَ شَيْئًا لَيْسَ عِنْدَ أَصْحَابِهِ، فُبَلِّغْ زِيَادَتَهُ. فَأَمَّا مَنْ تَرَاهُ يَعْمِدُ لِمِثْلِ الزُّهْرِيِّ فِي جَلَالَتِهِ وَكَثْرَةِ أَصْحَابِهِ الْحَقَّاطِ الْمُتَقِينِ لِحَدِيثِهِ وَحَدِيثِ غَيْرِهِ، أَوْ لِمِثْلِ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ، وَحَدِيثُهُمَا عِنْدَ أَهْلِ الْعِلْمِ مَبْسُوطٌ مُشْتَرَكٌ. قَدْ نَقَلَ أَصْحَابُهُمَا عَنْهُمَا حَدِيثَهُمَا عَلَى الْإِتِّفَاقِ مِنْهُمْ فِي أَكْثَرِهِ. فَيُزَوِّي عَنْهُمَا أَوْ عَنْ أَحَدِهِمَا الْعَدَدَ مِنَ الْحَدِيثِ، مِمَّا لَا يَعْرِفُهُ أَحَدٌ مِنْ أَصْحَابِهِمَا، وَلَيْسَ مِمَّنْ قَدْ شَارَكَهُمْ فِي الصَّحِيحِ مِمَّا عِنْدَهُمْ، فَعَيَّرَ جَائِزٌ قَبُولَ حَدِيثِ هَذَا الضَّرْبِ مِنَ النَّاسِ. وَاللَّهُ أَعْلَمُ.

Terjemahan: Begitu juga, apa kami ketahui daripada metodologi para ahli ilmu dalam menerima riwayat secara bersendirian (*tafarrud*) bahawa mestilah perawi bersendirian itu

dikenali banyak selari (muwāfaqah) pada riwayatnya yang lain dengan ahli ilmu dan al-hifz. Sekiranya begitu keadaannya, kemudian dia ada menambahkan lafaz pada riwayatnya yang tidak disebutkan oleh ashāb perawi yang lain, maka boleh [dipertimbangkan] untuk diterima tambahan riwayatnya itu. Adapun orang-orang yang anda lihat dikenali dengan kemasyhuran dan ramai anak muridnya daripada kalangan huffāz serta hadith-hadith mereka sentiasa disebarkan seperti al-Zuhrī atau Hishām bin ‘Urwah, maka sekiranya terdapat perawi-perawi yang menyampaikan hadith dari mereka walhal anak-anak murid rapat (ashāb) mereka tidak menyampaikan sedemikian (*tafarrud*), tidak boleh diterima riwayat tersebut. Wallahu a’lam⁴⁸.

Dalam perbincangan di atas, Imam Muslim menyentuh mengenai aspek al-qarā’in dalam penerimaan *tafarrud* seseorang perawi pertama perawi tersebut terkenal dengan kebanyakan riwayat sebelumnya sebagai tepat dan selari dengan riwayat para perawi tsiqah yang lain. Kedua adalah sekiranya perawi tersebut dikenali merupakan seorang tokoh yang mempunyai ramai anak murid, kemudian tiba-tiba ada perawi yang meriwayatkan daripadanya secara *tafarrud* maka ini merupakan *qarīnah* riwayat tersebut bermasalah dan tidak boleh diterima. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 7: *Qarā’in Tafarrud* menurut Imam Muslim

Bil	Jenis Perawi	Kemungkinan <i>tafarrud</i> diterima	Sebab/Alasan
1.	Perawi yang kebanyakan riwayatnya selari dengan riwayat para tsiqah.	Berkemungkinan diterima.	Dikenalpasti mempunyai kekuatan hafalan cemerlang
2.	Perawi yang kebanyakan riwayatnya tidak selari dengan riwayat para tsiqah	Tidak diterima.	Dikenalpasti mempunyai hafalan yang bermasalah.
3.	Perawi yang meriwayatkan hadith secara bersendirian daripada tokoh terkenal, sedangkan anak-anak murid tokoh tersebut tidak meriwayatkan sedemikian.	Tidak diterima.	Mustahil anak-anak murid yang ramai tidak tahu mengenai riwayat tersebut.
4.	Perawi yang merupakan anak murid tokoh hadith, tetapi meriwayatkan hadith secara bersendirian, sedangkan anak-anak murid lain tokoh tersebut tidak meriwayatkan riwayat yang sama.	Berkemungkinan diterima.	Perawi merupakan anak murid tokoh

Jadual di atas menunjukkan bahawa penilaian *qarīnah* dalam isu *tafarrud* menurut Imam Muslim tidak bersifat mutlak, sebaliknya bergantung pada ciri-ciri perawi dan konteks periwayatan. Pertama, bagi perawi yang kebanyakan riwayatnya selari dengan para tsiqah, kemungkinan *tafarrud* nya diterima adalah tinggi kerana keutuhan hafalan dan konsistensi riwayatnya dapat menjadi *qarīnah* yang menguatkan periwayatan tunggal tersebut. Ini

⁴⁸ Muslim Bin al Hajjāj. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaherah: Matba’ah Īsa al Bābī.

menepati pendekatan Imam Muslim yang menetapkan bahawa unsur sokongan seperti muwāfaqah (keserasian) adalah penting bagi menilai keabsahan periwayatan tunggal.

Sebaliknya, perawi yang kebanyakan riwayatnya tidak selari dengan riwayat para tsiqah tidak mempunyai *qarīnah* penguat, lalu periwayatan *tafarrud* nya ditolak. Keadaan ini menunjukkan bahawa *tafarrud* tanpa sokongan *qarīnah* dianggap sebagai petunjuk kelemahan dalam hafalan dan ketelitian perawi.

Bagi perawi yang meriwayatkan hadith secara bersendirian daripada tokoh terkenal, sedangkan anak-anak murid tokoh tersebut tidak meriwayatkan sedemikian, maka riwayat ini juga ditolak. Imam Muslim berpandangan bahawa sekiranya tokoh tersebut memiliki ramai murid yang dikenali sebagai huffāz dan mereka tidak pernah meriwayatkan riwayat yang sama, maka ia menunjukkan *tafarrud* tersebut tidak disokong oleh *qarīnah* lain dan wajar ditolak.

Namun begitu, bagi anak murid yang sendiri merupakan perawi utama kepada tokoh tersebut, tetapi meriwayatkan hadith secara bersendirian sedangkan anak murid lain tidak meriwayatkan, periwayatan *tafarrud* ini masih mempunyai ruang untuk diterima. Hal ini kerana statusnya sebagai anak murid terdekat boleh dianggap sebagai *qarīnah* penguat, bergantung kepada kedudukan hafalan dan muwāfaqah perawi tersebut secara umum.

Keseluruhan analisis ini menunjukkan bahawa Imam Muslim tidak melihat *tafarrud* secara mutlak sebagai 'illah, sebaliknya beliau menggunakan *qarīnah* sebagai instrumen penting untuk menilai sama ada periwayatan *tafarrud* boleh diterima atau ditolak.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa konsep *qarīnah* memainkan peranan signifikan dalam penilaian *tafarrud* menurut metodologi Imam Muslim sebagaimana dijelaskan dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*. Perbezaan status perawi, keutuhan hafalan, keserasian dengan riwayat lain, dan jaringan anak murid menjadi elemen *qarīnah* yang saling melengkapi. Dengan ini, kajian telah berjaya menjawab objektifnya iaitu memahami bagaimana *qarīnah* berfungsi sebagai alat penimbang keabsahan *tafarrud* serta menjelaskan kaedah praktikal penilaian *tafarrud* menurut Imam Muslim. Diharapkan dapatan ini dapat menjadi rujukan penting dalam memperkukuh kefahaman tentang disiplin kritik sanad hadith, khususnya dalam isu *tafarrud* dan 'ilal di sisi para muhaddithīn.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa konsep *al-qarā'in* memainkan peranan penting dalam penilaian *tafarrud* perawi menurut metodologi Imam Muslim dalam *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*. Imam Muslim tidak menolak *tafarrud* secara mutlak, sebaliknya beliau menimbangnya berdasarkan beberapa *qarīnah* yang berkait dengan latar belakang perawi, kekuatan hafalan, keselarasan dengan riwayat para perawi tsiqah lain, serta jaringan periwayatan yang dimiliki oleh perawi tersebut. Hal ini menunjukkan pendekatan Imam Muslim bersifat kritikal, sistematik dan bersandarkan prinsip-prinsip ilmiah yang kukuh dalam menilai riwayat secara *tafarrud*. Kajian ini turut mendapati bahawa penggunaan *qarā'in* sebagai indikator penilaian memberikan satu dimensi baharu dalam memahami mekanisme kritik sanad hadith, khususnya dalam konteks 'ilal yang tersembunyi. Justeru, kajian mencadangkan agar kajian lanjutan dilakukan terhadap tokoh-tokoh lain seperti al-Bukhārī, al-Dāraquṭnī atau Ibn Abī Ḥātim bagi menilai sama ada berlaku kesepakatan atau perbezaan dalam penggunaan *qarā'in* terhadap *tafarrud*. Penelitian terhadap aplikasi *qarā'in* dalam kalangan ulama mutaqqaddimīn juga wajar diperluas agar sumbangan mereka dalam membentuk disiplin kritik sanad dapat difahami dengan lebih menyeluruh dan berimpak tinggi.

RUJUKAN

- "Qarāin." Al-Ma'āny, 2010, diakses pada 22 November 2023, <https://www.almaany.com/ar/dict/arar/%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D9%86/>
- ‘Abd al-Jawad Hamam, *Al-Tafarrud fi Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fi Qabulihi aw Raddihi* (Dirasah Ta’siliyyah Tatbiqiyah), 2008.
- ‘Ādil al-Zuraqī. ‘Ādil Abd Syakur. *Qawā'id Al-Ilal Wa Qarāin Al-Tarjīh* Riyadh. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004.
- Abdul Samad Shaikh. 2015. The Issue of *Tafarrud* and Nakarah between Traditionists and Historians (Analytical Study). The Scholar Islamic Academic Research Journal 1(1).
- Abdullah Abdul Rahman al-Sa'ad. *Al-Mufaṣṣal fī Syarh al-Mūqizah*. Riyādh: Dār al-Tauhīd li al-Nasyr, 2017.
- Abdullah Muhammad Hasan. *Al-Qarāin Wa Atharuhā Fi 'Ilmi Al-Hadīth*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, 2012.
- Abu al-Qasim al-Husayn bin Muhammad, al-Raghib al-Asfahani (t.t.), *Al-Mufradāt fī Ghariḥ al-Quran* tahqiq Muhammad Sayyid Kaylani, T.T.P.: T.T.
- Ahmad al-‘Ayid et.al. Al-Mu‘jam al-‘Arabi al-Asasi, T.T: Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-‘Ulum, (t.t), 924.
- Ahmad Zulkifli Yusof, Umar Muhammad Noor. 2020. Penerimaan Hadis *Tafarrud* menurut Ahmad bin Hanbal. Journal Hadis (INHAD) 10(20).
- Aizul Yaakob 2023. Periwiyatan al-*Tafarrud* dan Implikasinya kepada Penilaian Sarjana Hadis dalam Disiplin al-Jarh wa al-Ta’dil. Journal Hadis (INHAD) 13(25).
- Al-Haitham Muhammad. "Qarāin Al-Tarjīh Bayna Aqwāl Al-Jarh Wa Al-Ta’dil Al-Muta’aridah ‘Inda Ibn Addī Fi Kitābihi Al-Kāmil." Disertasi Master, Universiti Tayyibah, 2021.(6).
- Al-Malyabārī, H. A. *Muwāzanah Bayna al-Mutaqaddimīn wa al-Muta’akhhirīn fī Taṣḥīḥ al-Hadīth wa Ta’līliha*. Beirut: Dār Ibn Hazm.2001.
- Al-Qurtubī. *Al-Jāmi’ Li Ahkām Al-Qur’ān*. tahkik Abdullah bin Abd Muhsin. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006.
- Ayyub al-Husainī. *Al-Kulliyāt Mu’jam Fi Al-Mustalahāt Wa Al-Furūq Al-Lughawiyah*. tahkik ‘Adnān Darwisy. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2009.
- Dzul Dzulraidi. Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi Terengganu: Paddi Resources, 2023.
- Hanān Qamārī. "Ta’arud Qarāin Al-Tarjīh Wa Dawābit Daf’ihā ‘Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-‘Ilal." Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University, 2016.
- Ḥātim al-Awnī, *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Ḥadīth*. Beirut: Markaz Namā’ li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018.
- Ibn Fāris, Ahmad bin Fāris. Mu’jam Māqayis Al-Lughah. tahkik Abdul Salam Harun. Vol. 5, Kaherah: Dār al-Fikr, 1979.
- Ismail bin Ahmad. *Al-Sihāh Tāj Al-Lughah Wa Sihāh Al-‘Arabiyyah*. tahkik Ahmad Abd al-Ghafur. Beirut: Dār al-‘Ilm, 1987.
- Majdi ‘Atiyyah. *Al-Ilmā’ Fi Itbāth Al-Samā’*. Mesir: Maktabah Ibn ‘Abbās, 2005. 4.
- Masyaqbah, Abdul Rahman Muhammad. "Athar Al-Qarāin Fi Ikhtilāf Al-Nuqqād Fi Tarjīh Bayna Al-Riwāyāt Wa I’lālihā." Majallah Nisf Sanawiyah Muhkamah 18, no. 2 (2021), 253.
- Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin 2019. Periwiyatan Hadith Secara al-*Tafarrud* Menurut Sarjana Hadith: Antara Penerimaan dan Penolakan. Journal Hadis (INHAD) 9(18): 182.

- Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin. 2019. Analisis Kewujudan al-Mutaba'at dalam Perwayatan Hadith secara al-*Tafarrud* . Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah 15(2).
- Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin. 2019. Manhaj Sarjana Hadith dalam Menentukan 'Illah dalam Perwayatan al-*Tafarrud* : Kajian Perbandingan antara Sarjana Mutaqaddimin dan Mutaakhirin. Journal of Hadith Studies 4(1).
- Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin. 2021. Manhaj al-Daraqutni dalam Menilai Perwayatan al-*Tafarrud* daripada perawi thiqa dalam karya al-'Ilal al-Warida fi al-Ahadiith al-Nabawiyya. Al-Bayan: Journal of al-Quran and Hadith Studies 19(1).
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, and R Zirwatul Aida R Ibrahim. Metodologi Penyelidikan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018, 76.
- Muhammad Sayyid Kaylani, T.T.P.: T.T, Kitab al-Fa', h. 375.
- Muslim Bin al Hajjāj. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaherah: Matba'ah Īsa al Bābī.
- Naurah Didān. "Qarāin Al-Tarjīh Allatī Wāzana Bihā Al-Hāfidh Al-Mizzzi 'Inda Al-Ikhtilāf Bi Ziyādah Rāwi Au Isqātihi Min Al-Isnād Min Khilālī Kitābihi Tahzīb Al-Kamāl: Dirāsah Nazariyyah." Tesis PhD, Universiti Qāsim.
- Sāmīr al-Kabīsī. "Athar Al-Qarāin Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā' Al-Mubāsyir Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran." Majallah al-Muhaddith al-'Irāqiyah 3, no. 1 (2021).
- Surah Yūsuf, 18.
- al-Dhahabī, Muḥammad ibn Aḥmad. *Siyar A'lam al-Nubalā'*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1985.
- Fākhūrī, Muḥammad. *Al-Muslim bin al-Hajjāj bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī: Ḥayātuhu wa Ṣaḥīḥuhu*. Cairo: Dār al-Salām li al-Ṭabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah, 2016.
- Ibn Hajar al-'Asqalānī. *Tahdhīb al-Tahdhīb*. Edited by Ibrāhīm al-Zabīq and 'Ādil Mushid. Vol. 4. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2014.
- Ibn Hajar al-'Asqalānī. *Nuzhat al-Nazar fī Tawdīḥ Nukhbat al-Fikar*. Damascus: Maṭba'ah al-Sabbāḥ, 2000.